

08/04/1997

Negara Islam perlu elak permusuhan

TIDAK ada perkara yang lebih menyedihkan jika negara Islam berperang dan berbunuhan sesama sendiri. Bilakah kita harus menamatkan sejarah peperangan sesama sendiri sedangkan semua tahu bahawa permusuhan hanya membawa kehancuran. Semua kita tahu peperangan akan menyebabkan kita ibarat 'menang jadi arang, kalah jadi abu', tetapi mengapakah jalan ini juga yang dipilih. Sudah banyak contoh, negara Islam bertelagah dan berakhir dengan peperangan. Yang terkorban ialah umat Islam, yang rugi ialah Islam.

Tindakan seperti ini bukan saja bertentangan dengan ajaran Islam, malah ia mencemarkan imej Islam di mata umat Islam dan bukan Islam. Sebagai agama yang mementingkan keamanan dan kesejahteraan hidup semua manusia, adalah tidak wajar negara Islam memutuskan hubungan dengan negara yang didiami oleh umat seagama. Apakah bukan zalim namanya jika sesebuah negara sanggup melihat ramai umat Islam menderita akibat peluru tidak bermata. Apakah tidak timbul perasaan sedih apabila melihat anak-anak kehilangan ayah dan ibu angkara perbuatan kita hanya disebabkan mempertahankan ego dan kuasa. Memang inilah yang dinanti-nantikan oleh musuh Islam kerana senjata yang mereka cipta memusnahkan mangsanya tanpa perlu mereka sendiri terbabit secara terus dalam kancah yang membabitkan dunia Islam.

Kita sedih kerana ketika negara Islam sepatutnya bersaing untuk memajukan negaranya, rakyatnya diajak bertelagah dengan umat seagama. Kita akui masalah sesama negara Islam memang sudah lama wujud sama ada akibat kesan peninggalan sejarah atau kemajuan ekonomi dan politik. Tetapi, negara Islam tidak seharusnya buntu fikiran hingga terpaksa menggunakan cara yang ditegah agama. Islam tidak pernah menggalakkan umatnya bercakaran. Sekalipun ada masalah, ia perlu diselesaikan dengan cara paling baik. Islam perlu menunjukkan kemufakatan kerana ia melambangkan kekuatan ummah. Apa yang berlaku sebenarnya mempunyai kesan yang amat mendalam.

Pertikaian di antara dua negara Islam yang bermusuhan pastinya mengheret negara Islam lain untuk memihak kepada salah satu daripadanya. Ia sebenarnya meluaskan pertikaian dari dua buah negara kepada semua negara Islam. Ketika rakyat dua negara berperang, umat Islam di negara lain mengutuk dan menghina salah satu daripadanya, bergantung kepada negara yang bertentangan dengan kepentingan negaranya. Keadaan ini menampakkan seluruh umat Islam tidak bersepakat.

Teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya negara Islam menyelesaikan masalah mereka di meja rundingan untuk mengelak permusuhan yang berpanjangan, bukanlah kali pertama diucapkannya. Setiap kali beliau melakukan lawatan ke negara Islam, perkara ini sering disebutnya. Kelmarin beliau mengulangi perkara itu selepas mengadakan rundingan dua hala dengan pegawai kerajaan Kuwait di Bandar Raya Kuwait. Baginya negara Islam perlu menguatkan negara masing-masing mengikut arus kemajuan dunia, bukan bertelagah hingga menakluki antara satu dengan lain. Malaysia tidak setuju dengan sebarang usaha untuk menakluk negara lain. Malaysia tidak mahu melihat permusuhan di antara negara Islam kerana ia banyak meninggalkan kesan buruk. Apabila negara Islam bertelagah sesama sendiri, banyak masa dan tenaga dibuang begitu saja. Amat menyedihkan, apabila negara Islam diceroboh oleh negara bukan Islam, negara Islam menyepikan diri. Mereka jarang berani mengeluarkan pendapat kerana tahu mereka tidak boleh menentang kuasa besar. Pergaduhan sesama sendiri

menyebabkan negara Islam menjadi lemah.

Perang Teluk adalah satu tamparan yang amat hebat kepada umat Islam. Ia sepatutnya menjadi pengajaran kepada kita akibat perselisihan di antara dua negara Islam. Akhirnya kita menyaksikan kuasa asing melancarkan serangan yang menghancurkan Iraq. Seandainya Iraq tidak menakluk Kuwait, mungkin tidak ada kemusnahan. Apakah sejarah ini tidak akan diingati oleh dua negara Islam itu oleh generasi akan datang. Kita bimbang dendam akan terus membara terutamanya anak-anak mangsa korban. Jika perasaan dendam tidak dapat dihapuskan, rakyat kedua-dua negara itu sukar menyelesaikan apa jua masalah. Itulah sebabnya kita mahu negara Islam mengelakkan sebarang permusuhan kerana ia hanya akan menyebabkan perbalahan yang berpanjangan dan seterusnya memerlukan korban.

(END)